



ڤکاوای کاواغن نگری ترغکانو
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU

PERB.TR.U/16/01/02/1-(47)
08 November 2022
13 Rabiu Akhir 1444H

Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Ketua Pusat Tanggungjawab
Jabatan Kerajaan Negeri,
Terengganu.

YBM Tengku/ YB Dato'/ YBhg Dato'/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.3 TAHUN 2022
PENGURUSAN BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN AP58(a)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.3 Tahun 2022 telah dikeluarkan kepada semua Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan dan Ketua Pusat Tanggungjawab, Jabatan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, YBM Tengku/ YB Dato'/ YBhg Dato'/ tuan/ puan hendaklah memastikan garis panduan dan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling tersebut dipatuhi.
3. Bersama-sama ini diedarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.3 Tahun 2022 untuk makluman dan tindakan pihak YBM Tengku/ YB Dato'/ YBhg Dato'/ tuan/ puan juga.

Sekian, terima kasih.

**" TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA "
" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI ROZALI BIN SALLEH)

📞 09-6276269
✉️ rnurulaida@terengganu.gov.my



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU BIL.3 TAHUN 2022

Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Ketua Pusat Tanggungjawab
Jabatan Kerajaan Negeri,
Terengganu.

PENGURUSAN BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN AP58(a)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan AP58(a) kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang perlu dipatuhi oleh semua Pegawai Pengawal.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bayaran di bawah AP58(a) merujuk kepada pembayaran yang memerlukan kebenaran khas di bawah perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama digunakan untuk pembayaran dalam tahun kewangan semasa.
- 2.2 Pembayaran AP58(a) akan menyebabkan peruntukan tahun semasa digunakan dan akan menyebabkan peruntukan aktiviti tahun semasa terjejas.
- 2.3 Surat Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 (dikemaskini 3 Februari 2021) sebagai panduan kepada Jabatan/PTJ supaya pembayaran di bawah AP58(a) dilaksanakan secara teratur serta dapat menjelaskan kekeliruan berkaitan takrifan bayaran di bawah AP58(a).

3. KUASA MELULUS PEMBAYARAN

- 3.1 Kuasa melulus permohonan bagi pembayaran di bawah AP58(a) adalah seperti berikut:

Bil.	Kuasa Melulus	Kriteria Kelulusan
1.	Bendahari Negeri	<ol style="list-style-type: none">1. Baki peruntukan Jabatan/PTJ pada tahun perbelanjaan berlaku mencukupi; dan2. Berpuashati dengan alasan / sebab-sebab yang dikemukakan
2.	Y.B. Pegawai Kewangan Negeri	<ol style="list-style-type: none">1. Baki peruntukan Jabatan/PTJ pada tahun perbelanjaan berlaku tidak mencukupi; dan2. Bendahari Negeri tidak berpuashati atau meragui dengan alasan / sebab-sebab yang dikemukakan

- 3.2 Perbendaharaan Negeri Terengganu berhak menolak atau tidak akan mempertimbangkan permohonan bayaran AP58(a) dan pembayaran boleh dikenakan di bawah **Arahan Perbendaharaan 59.**

4. PERTANGGUNGAN TAHUN-TAHUN LALU YANG MEMERLUKAN KELULUSAN AP58(a) DAN YANG TIDAK MEMERLUKAN KELULUSAN AP58(a)

- 4.1 Pertanggungan-pertanggungan di bawah perbelanjaan mengurus yang merangkumi Vot T (Perbelanjaan Tanggungan) dan vot B (Perbelanjaan Perbekalan) bagi tahun kewangan tahun lalu yang hendak dijelaskan menggunakan peruntukan tahun semasa sama ada tertakluk di bawah AP58(a) atau tidak, adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- 4.2 Pertanggungan tahun lalu yang melibatkan peruntukan belanja pembangunan (P) dan perbelanjaan Akaun Amanah tidak tertakluk kepada kelulusan AP58(a).

5. PENUTUP

Semua Jabatan/PTJ hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam surat arahan ini bagi memastikan proses permohonan dan pembayaran di bayar AP58(a) dibuat dengan lebih cekap dan teratur.

6. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **08 November 2022**

Sekian, terima kasih.

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ROZALI BIN SALLEH)

Pegawai Kewangan Negeri,
Terengganu.

08 November 2022

13 Rabiul Akhir 1444

s.k. YBM Tengku Seri Bijaya Raja
Setiausaha Kerajaan
Terengganu

Bendahari Negeri
Terengganu

Pengarah Audit Negeri
Terengganu

 09-6276269
 murulaida@terengganu.gov.my

**GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN BAYARAN
DI BAWAH AP58(a) PEMBAYARAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KHAS**

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
1	AP58(a) BERKAITAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN MELALUI PESANAN KERAJAAN (PESANAN TEMPATAN/INDEN KERJA)				
1.1	Pesan Kerajaan telah dikeluarkan dan tanggung dalam iSPEKS pada 20X2. Bekalan/ perkhidmatan telah diterima pada tahun 20X2, tetapi Invois hanya diterima daripada pembekal pada tahun 20X3.	Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan diiktiraf pada tahun 20X2 apabila bekalan/ perkhidmatan telah disempurnakan (Tarikh invois dan Tarikh terima kewangan Januari 20X3)	Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan diiktiraf pada tahun 20X2 apabila bekalan/ perkhidmatan telah disempurnakan (Tarikh invois dan Tarikh terima kewangan selain januari 20X3)		
1.2	Pesan Kerajaan telah dikeluarkan dan ditanggung dalam iSPEKS pada tahun 20X2. Bekalan/perkhidmatan diterima pada tahun 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan hanya diiktiraf pada tahun 20X3 apabila bekalan/perkhidmatan telah disempurnakan.	
2	AP58(a) BERKAITAN KONTRAK BEKALAN/ PERKHIDMATAN				
2.1	Pembekal membuat tuntutan SST (Sales & Service Tax) ke atas bekalan/ perkhidmatan yang disempurnakan pada tahun 20X2 melalui Invois yang dikemukakan pada tahun 20X3. Klausu SST telah dimasukkan ke dalam kontrak yang berkuat kuasa daripada tahun 20X2.	Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan SST ke atas barang/ perkhidmatan diiktiraf pada tahun 20X2 apabila bekalan/perkhidmatan disempurnakan (Tarikh invois dan Tarikh terima kewangan Januari 20X3)	Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan SST ke atas barang/ perkhidmatan diiktiraf pada tahun 20X2 apabila bekalan/perkhidmatan disempurnakan (Tarikh invois dan Tarikh terima kewangan selain januari 20X3)		
2.2	Pembekal membuat tuntutan SST (Sales & Service Tax) ke atas bekalan/perkhidmatan yang disempurnakan pada tahun 20X2 melalui Invois yang dikemukakan pada tahun 20X3. Klausu SST hanya dimasukkan semasa pindaan kontrak pada tahun 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan SST hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah klausu dimasukkan di dalam pindaan kontrak.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
3	AP58(a) BERKAITAN KONTRAK BERKALA				
3.1	Kontrak sewaan telah tamat pada bulan November 20X2 dan kelulusan pelanjutan kontrak hanya diperolehi pada Februari 20X3. Bayaran sewaan bulan Disember 20X2 dibayar pada bulan Februari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan sewaan bangunan dipertanggungkan untuk dibayar dan diiktiraf pada tahun 20X3 mengikut perlanjutan kontrak yang diluluskan.	
3.2	Kontrak sewaan bagi sewaan bulan Januari hingga Disember 20X2 hanya disempurnakan pada tahun 20X3 walaupun Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada bulan Februari 20X2.		Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) bagi tiga (3) kali bayaran dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak formal ditandatangani dan bayaran seterusnya dibuat selepas kontrak ditandatangani (Pekeliling Perpendaharaan PK4 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan). Sehubungan itu, perbelanjaan sewaan diiktiraf pada tahun 20X2 hanya untuk tiga (3) kali bayaran.	Bayaran selebihnya adalah tidak tertakluk dibawah AP58(a) kerana tanggungan sewa kena dibayar setelah dokumen Kontrak ditandatangani.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
4	AP58(a) BERKAITAN EMOLUMEN				
4.1	Pegawai telah bertukar ke Jabatan baharu pada bulan Mei 20X2, tetapi emolumen masih dibayar Jabatan lama dari bulan Mei sehingga Julai 20X2. Emolumen pegawai hanya dibayar di Jabatan baharu mulai bulan Ogos 20X2. Jabatan lama mengemukakan tuntutan bayaran balik emolumen bagi bulan Mei 20X2 hingga Julai 20X2 tersebut pada bulan Ogos 20X2, tetapi hanya diselaras pada bulan Februari 20X3.			Pelarasan tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana hanya bagi tujuan pelarasan akaun.	
4.2	Pegawai telah kembali bertugas setelah cuti tanpa gaji dari bulan Jun 20X2 sehingga November 20X2. Gaji bulan Disember 20X2 tidak sempat diproses dan Kew.8 hanya dikeluarkan pada bulan Januari 20X3 untuk pembayaran.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20X3 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa.	
4.3	Pembayaran emolumen bagi kenaikan pangkat Pegawai Awam telah dibayar pada tahun 20X2 berdasarkan Kew.8 tahun 20X2. Walau bagaimanapun, pada tahun 20X4 didapati ada kesilapan berlaku pada pengiraan emolumen pegawai tersebut. Pelarasan gaji dilakukan untuk membayar perbezaan amaun berdasarkan Kew.8 tahun 20X4.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20X4 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
4.4	Kew.8 telah diluluskan pada 2 Februari 20X4 bagi bayaran tunggakan emolumen mulai 1 Ogos 20X2 hingga 1 Ogos 20X3 akibat kesilapan tarikh pergerakan gaji.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20X4 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa.	
4.5	Bayaran emolumen bagi Pekerja Bergaji Hari pada bulan Disember 20X2 diproses bermula hari bekerja pertama Januari 20X3 dan tarikh pembayaran emolumen selewat-lewatnya pada hari ke tujuh (7) bekerja Januari 20X3 selaras dengan Pekeliling Perpendaharaan Negeri berkaitan Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolument yang berkuat kuasa.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20X3 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa.	
4.6	Pegawai telah diluluskan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Bulan Oktober 20X2 melalui Surat Kelulusan Pergerakan Gaji bertarikh 29 Januari 20X2. Walau bagaimanapun, kenaikan gaji mulai bulan Oktober 20X2 gagal diproses dan Kew.8 hanya dikeluarkan pada bulan April 20X3 untuk diproses setelah dikuiri pihak Naziran/Audit.			Pembayaran tunggakan KGT bagi bulan Oktober sehingga Disember 20X2 tidak tertakluk di bawah AP58(a). Walaupun Surat Kelulusan KGT telah dikeluarkan pada Januari 20X2, Kew.8 hanya dikeluarkan pada April 20X3 dimana pertanggungan kena dibayar melibatkan perubahan gaji (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 1977). Perbelanjaan tunggakan KGT diiktiraf pada tahun 20X3 apabila Kew.8 diluluskan oleh Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
5	AP58(a) BERKAITAN CARUMAN				
5.1	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengemukakan tuntutan dividen/ bayaran denda lewat kepada PTJ pada tahun 20X3 disebabkan kelewatan PTJ membayar caruman pekerja bagi tahun 20X2.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana tuntutan dividen/ bayaran denda lewat tersebut adalah perbelanjaan yang diiktiraf pada tahun 20X3.	
5.2	Pada tahun 20X3, KWSP/PERKESO mengemukakan tuntutan caruman bulanan bagi pekerja kontrak yang sepatutnya dibuat caruman untuk gaji bulan Mac 20X2.		Perlu merujuk kepada terma perkhidmatan/ kontrak penggajian. Tertakluk di bawah AP58(a) sekiranya termasuk dalam terma perkhidmatan dan kontrak kerana caruman bulanan ke atas gaji bulan Mac 20X2 adalah perbelanjaan yang diiktiraf pada tahun 20X2.		
6	AP58(a) BERKAITAN TUNTUTAN PELBAGAI				
6.1	Tuntutan Perjalanan pegawai bagi bulan Disember 20X2 dikemukakan pada Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana tuntutan perjalanan hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.	
6.2	Tuntutan Perjalanan pegawai bagi bulan Januari hingga November 20X2 dikemukakan pada Januari 20X3.				Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana tuntutan perjalanan hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah diluluskan. Namun masih memerlukan kelulusan khas PKN kerana tidak mematuhi AP100(a) iaitu perlu dikemukakan tidak lewat 10hb bulan dalam bulan yang berikutnya.

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
6.3	Tuntutan Elaun Bekerja Lebih Masa/ Penceramah pegawai bagi bulan Disember 20X2 dikemukakan pada Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana tuntutan hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.	
6.4	Tuntutan Elaun Bekerja Lebih Masa/ Penceramah pegawai bagi bulan Januari hingga November 20X2 dikemukakan pada Januari 20X3.				Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana Tuntutan Elaun Bekerja Lebih Masa/ Penceramah hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah diluluskan. Namun masih memerlukan kelulusan khas PKN kerana melangkau tahun.
6.5	Pegawai telah bertukar pada Julai 20X2 dan telah menghantar tuntutan pertukaran pada Februari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana tuntutan pertukaran hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa dan tuntutan pertukaran dibuat dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh pelaksanaan arahan pertukaran selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP1.2 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
6.6	Pegawai telah berpindah rumah pada Disember 20X2 dan telah menghantar tuntutan elaun perpindahan rumah pada Februari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana tuntutan elaun perpindahan rumah hanya diiktiraf pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa dan tuntutan elaun perpindahan rumah dibuat dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh perpindahan rumah dilakukan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP1.2 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah.	
6.7	Surat kelulusan Bayaran Rawatan Perubatan telah diluluskan pada 15 Januari 20X3 bagi tempoh Ogos 20X2 sehingga 20X4. Pegawai membuat tuntutan bil bagi bulan Ogos 20X2 sehingga Januari 20X3 pada bulan Mac 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.	
6.8	Pegawai telah meninggal dunia pada 30 Disember 20X2 dan waris pegawai mengemukakan tuntutan bayaran Bantuan Mengurus Jenazah pada 10 Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
6.9	Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik Pakaian Istiadat pada 12 Januari 20X3 dengan menyertakan bersama resit pembelian bertarikh 1 November 20X2. Kew.8 disediakan pada 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.	
7	AP58(a) BERKAITAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK BIL INDIVIDU				
7.1	Bil (air/ elektrik/ telefon) Disember bertarikh 28 Disember 20X2 bagi penggunaan pada 28 November 20X2 sehingga 27 Disember 20X2 telah dijelaskan oleh pegawai pada 28 Disember 20X2. Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada Jabatan pada 28 Disember 20X2, tetapi tidak sempat diproses.	Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan utiliti kena dibayar pada tahun 20X2.			
7.2	Bil (air/ elektrik/ telefon) Januari 20X2 bertarikh 1 Januari 20X3 bagi penggunaan pada 1 Disember 20X2 sehingga 31 Disember 20X2 telah dijelaskan oleh pegawai pada 2 Januari 20X3. Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada Jabatan pada Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 mengikut terma kontrak.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
7.3	Bil (air/ elektrik/ telefon) Januari 20X3 bertarikh 2 Januari 20X3 bagi penggunaan pada 2 Disember 20X2 sehingga 1 Januari 20X3 telah dijelaskan oleh pegawai pada 3 Januari 20X3. Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada Jabatan pada Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 mengikut terma kontrak.	
7.4	Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik pembelian alat komunikasi mudah alih pada 30 Oktober 20X2 dan diluluskan Ketua Jabatan pada 5 Februari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.	
7.5	Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik Pakaian Istiadat pada 12 Januari 20X3 dengan menyertakan bersama resit pembelian bertarikh 1 November 20X2. Kew.8 disediakan pada 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.	
7.6	Kad Inden minyak bagi kenderaan jabatan tidak dapat digunakan pada 30 Disember 20X2. Pegawai kenderaan telah mengeluarkan duit sendiri untuk mengisi minyak sebanyak RM30 dan menuntut bayaran balik pada bulan Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa mengikut tuntutan perjalanan iaitu perlu dikemukakan tidak lewat 10hb bulan dalam bulan yang berikutnya.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
8	AP58(a) BERKAITAN PELARASAN AKAUN				
8.1	PTJ telah tersilap caj perbelanjaan yang sepatutnya dicaj bawah Vot Mengurus kepada Akaun Amanah pada tahun 20X2. Kesilapan hanya disedari pada bulan Februari 20X3 iaitu selepas penutupan akaun tahun 20X2. PTJ membuat pelarasan daripada Akaun Amanah kepada Vot Mengurus pada tahun 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) dan hanya melibatkan pelarasan akaun.	
8.2	Bekalan/perkhidmatan di bawah Akaun Amanah/Vot Pembangunan telah diterima pada bulan November 20X2, tetapi tidak sempat dibayar pada sebelum tarikh akhir Penutupan Akaun tahun 20X2.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana kelulusan di bawah AP58(a) hanya diperlukan bagi perbelanjaan di bawah Vot Mengurus.	
9	AP58(a) BERKAITAN BAYARAN PUKAL UTILITI DAN BEKALAN MINYAK KENDERAAN				
9.1	Fail pukal bil elektrik bagi penggunaan pada 15 Disember 20X2 sehingga 16 Januari 20X3 yang dihantar pada bulan Januari 20X3.			Pembayaran tersebut tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan elektrik diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 mengikut terma kontrak.	
9.2	Fail pukal bil elektrik bagi penggunaan pada 1 Disember 20X2 sehingga 15 Disember 20X2 telah dikemukakan pada 16 Disember 20X2 dan telah diproses, tetapi fail bagi penggunaan pada 16 Disember 20X2 sehingga 31 Disember 20X2 hanya dikemukakan pada bulan Januari 20X3.			Pembayaran tidak tertakluk di bawah AP58(a) bagi fail pukal pada 16 Disember 20X2 sehingga 31 Disember 20X2 kerana perbelanjaan elektrik diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 mengikut terma kontrak.	

BIL	PERKARA	AP 58(a) KELULUSAN BN	AP 58 (a) iv KELULUSAN KHAS PKN	TIDAK PERLU	KELULUSAN KHAS (Pelbagai)
10	AP58(a) BERKAITAN BAYARAN TUNTUTAN INVOIS BAGI CAJ PERKHIDMATAN EPENBAYARAN				
10.1	Bayaran caj perkhidmatan melibatkan terimaan Kerajaan secara ePembayaran bagi kutipan bulan Disember 20X2 dikemukakan pada Januari 20X3.			Tidak Perlu kelulusan AP58(a) Pembayaran tidak tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan caj perkhidmatan diiktiraf kena dibayar pada tahun 20X3 mengikut terma kontrak.	
11	AP58(a) BERKAITAN BAYARAN MELALUI PANJAR WANG RUNCIT				
11.1	Tuntutan perbelanjaan Panjar Wang Runcit (PWR) pada tahun 20X2 dikemukakan pada Januari 20X3.		Perlu kelulusan AP58(a) Pembayaran tersebut tertakluk di bawah AP58(a) kerana perbelanjaan kena dibayar pada tahun 20X2. Apa jua perbelanjaan Kerajaan yang dilakukan PTJ perlu mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa termasuk Arahan Perbendaharaan (AP). Oleh itu secara amnya, semua perbelanjaan yang perlu dipertanggung dalam tahun kewangan 20X2 tetapi hanya ditutup/dibayar dalam tahun 20X3 adalah tertakluk kepada AP58(a). Penggunaan PWR, cek atau EFT adalah sebagai medium pembayaran dan perlu mengikuti SOP yang ditetapkan. Dalam hal ini, secara prinsip, sepatutnya semua perbelanjaan yang menggunakan PWR perlu diselesaikan segera sebelum penutupan akhir tahun semasa agar isu AP58a tidak akan timbul.”		
12	TEMPOH 14 HARI BAYARAN AP58(a)				
12.1	PTJ hendaklah memastikan bayaran kepada penerima disempurnakan dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103(a) setelah dokumen lengkap diterima.				
13	LAIN-LAIN				
13.1	Selain perkara yang dinyatakan di atas perlulah merujuk kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu.				